

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan jumlah eksport kelapa sawit dan getah sepanjang tahun 2018 dan 2019 serta pasaran eksport baru kelapa sawit yang telah berjaya diterokai oleh Kerajaan sepanjang tahun 2018 dan 2019.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah eksport minyak dan produk berasaskan sawit bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019 adalah sebanyak 18,680,160 tan, manakala bagi tahun 2018 adalah sebanyak 16,427,390 tan bagi tempoh yang sama yang menunjukkan peningkatan sebanyak 13.71%. Bagi komoditi getah pula, jumlah eksport bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019 adalah sebanyak 874,480 tan, manakala bagi tahun 2018 adalah sebanyak 905,750 tan bagi tempoh yang sama yang menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 3.58%.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa berusaha meneroka pasaran baharu sebagai salah satu usaha bagi menstabilkan harga komoditi sawit dan getah. Bagi komoditi sawit, pasaran baharu yang telah dikenal pasti bagi tempoh Januari hingga Julai 2019 ialah di Swaziland dengan jumlah eksport 520.02

SOALAN NO : 32

tan bernilai RM1.66 juta. Manakala pada tahun 2018 pasaran baharu yang telah dikenal pasti adalah Guam di Kepulauan Oceania dan Saint Kitts And Nevis di Kepulauan Caribbean. Jumlah eksport minyak dan produk berasaskan sawit ke kedua-dua pasaran ini adalah masing-masing sebanyak 72.47 tan dengan nilai RM0.21 juta dan 34.38 tan dengan nilai RM0.12 juta.

Selain itu, Armenia di rantau Asia, Luxembourg dan Monaco di Eropah, Tokelau dan Micronesia di Ocenia adalah antara pasaran baharu yang telah diterokai bagi tahun 2019 dengan jumlah eksport sebanyak 31.56 tan atau RM319,662.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi komoditi getah pula, pasaran baharu yang telah dikenal pasti bagi tempoh Januari hingga Julai 2019 ialah di Chad dan Sao Tome And Principe di Afrika, Faroe Island di Eropah, Norfork Island, Northern Mariana Island dan Palau di Ocenia dan Virgin Island di Amerika Syarikat. Keseluruhan jumlah eksport getah ke pasaran baharu ini berjumlah RM 614,477. Manakala antara pasaran baharu yang telah diteroka pada tahun 2018 ialah di Palestine, Korea, Cape Verde di Afrika dan Tokelau di Ocenia dengan jumlah eksport sebanyak RM1,327,804.

Sekian terima kasih.